

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN:

YB Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam membantu negeri-negeri yang menghadapi bencana banjir akhir tahun 2014 dan awal tahun 2015 dan langkah-langkah yang diambil dalam membantu memulihkan kehidupan rakyat pasca banjir terutama yang melibatkan kehilangan rumah kediaman.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Keselamatan Negara tidak menerima peruntukan khas setiap tahun bagi mengatasi bencana di negara ini.

Dalam setiap peringkat pengendalian bencana; iaitu persediaan sebelum berlaku bencana, operasi tindak balas semasa bencana; dan pemulihan serta pembangunan semula selepas berlaku bencana kesemuanya akan menggunakan peruntukan Belanja Mengurus sedia ada di setiap agensi-agensi pelaksana yang terlibat dalam pengurusan bencana. Peruntukan tersebut diperolehi daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

Manakala peruntukan bagi Belanja Pembangunan projek-projek mitigasi banjir dipohon daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Sebagai contoh, projek mitigasi banjir adalah melalui pembinaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Di bawah Majlis Keselamatan Negara, Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) digunakan bagi membantu mangsa bencana seperti banjir, ribut dan tanah runtuh melalui pengagihan bantuan wang ihsan bencana dan juga lain-lain bentuk bantuan kepada mangsa. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

memperuntukkan sebanyak RM50 juta ke dalam KWABBN mengikut keperluan.

Sekian. Terima kasih.